

KL bantu Khartoum pertingkat ekonomi

BH- 18/4/2007

Pelaburan minyak, gas jadi tumpuan Malaysia: Abdullah



MALAYSIA sedia meluaskan hubungannya dengan Sudan, terutama menerokai sektor ekonomi secara besar-besaran yang kini lebih tertumpu dalam pelaburan minyak dan gas, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Malah, katanya, pembabitan Petronas di Sudan bukan saja bagi mencari keuntungan, tetapi untuk bergabung tenaga membangunkan republik ini pada masa depan berdasarkan industri minyaknya yang dilihat berpotensi besar untuk dimajukan.

Perdana Menteri berkata, ini melambangkan komitmen dan keikhla-

san syarikat petroleum nasional Malaysia itu untuk memberi sumbangan bagi meningkatkan keupayaan minyak Sudan.

Sehingga kini, katanya, pembabitan antara komuniti perniagaan kedua-dua negara dalam meningkatkan pembangunan industri minyak dan gas berada pada tahap tinggi dan usaha itu perlu diteruskan.

"Saya gembira kerana warga Petronas dan syarikat Malaysia lain di sini menunjukkan komitmen tinggi untuk memajukan Sudan.

"Saya bagi pihak Petronas serta rakyat Malaysia ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Sudan kerana memberi peluang untuk bekerja di sini, bekerja dengan anda untuk masa depan Sudan," katanya pada majlis ramah mesra, di Oil House, di pinggir Sungai Nil, di sini, kelmarin.

Terdahulu, beliau melawat Ekspo

Mini Petronas yang mempamerkan projek yang sudah, sedang dan akan dilaksanakan di Sudan.

Sudan ialah negara terbesar di Afrika dengan keluasan 2.5 juta kilometer persegi yang dihuni 37 juta penduduk. Ia bersempadan dengan Mesir di utara, Laut Merah, Habsyah

dan Eritrea di timur, Kenya, Uganda dan Republik Demokratik Congo di selatan serta Republik Afrika Tengah, Chad dan Libya di barat.

Sebagai rakan dagang dan pelaburan yang penting, Sudan adalah destinasi eksport ke-16 terbesar bagi Malaysia di Afrika tahun lalu.

Abdullah mengingatkan warga Petronas menjaga diri ketika bekerja di negara asing, tetapi mesra kerana Sudan mempunyai kebudayaan dan adat resam tempatan perlu difahami.

Katanya, Malaysia amat berbangga dengan rekod prestasi cemerlang syarikat itu sebagai warga korporat yang bertanggungjawab.

"Sehingga kini, saya tidak menerima laporan tidak elok mengenai warga Malaysia di sini dan berharap semua dapat bekerja dengan baik," katanya sambil menyifatkan lawatannya ke Sudan walaupun singkat, memberi impak besar.

FAKTA NOMBOR

Sudan

37 juta

Penduduk

16

Destinasi eksport terbesar bagi Malaysia di Afrika tahun lalu